

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<i>Selayang pandang.....</i>	1
<b>MAKLUMAT PROGRAM PENGAJIAN</b>	3
<b>PANDUAN PENDAFTARAN</b>	
1. Laporan Kesihatan	5
2. Pendaftaran	5
3. Bayaran Pendaftaran	5
4. Cara Pembayaran Yuran Pendaftaran	6
5. Kod Etika Berpakaian (Sewaktu Kuliah)	7
6. Penarikan Diri Selepas Mendaftar	7
7. Tingkah Laku Calon	7
8. Hak Menarik Semula Tawaran Pengajian	8
<b>YURAN KEAHLIAN MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA</b>	9
<b>YURAN PENGAJIAN PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PhD)</b>	10
<b>YURAN PENGAJIAN PROGRAM IJAZAH SARJANA (MASTER)</b>	11
<b>MAKLUMAT UMUM PENGAJIAN</b>	
1. Iklan Dan Permohonan	12
2. Jenis Program	12
3. Program Pengajian	12
4. Syarat Kemasukan	13
4.1 <u>Kelayakan Masuk</u>	13
4.2 <u>Syarat Bahasa Inggeris</u>	13
5. Tempoh Pengajian	13
6. Yuran	14
7. Stuktur Program Pengajian	14
8. Pendaftaran	14
9. Pendaftaran Serentak	15
10. Perlanjutan Tempoh Pencalonan	15
11. Penarikan Diri	15
12. Penyeliaan	17
13. Jawatankuasa Pemeriksaan	17
14. Ketetapan Bidang Penyelidikan Dan Kelulusan Tajuk Tesis/Disertasi	18
15. Pembentangan Seminar	18
16. Penyerahan	18
17. Bahasa Tesis/Disertasi	20

18. Pertukaran Taraf Pencalonan Dari Program Sarjana Ke Doktor Falsafah	20
19. Syarat Bahasa Melayu	21
20. Peperiksaan	21
21. Pengijazahan	21
<b><u>PANDUAN PENULISAN TESIS</u></b>	
<b>1. PENGENALAN</b>	22
<b>2. SUSUNAN KANDUNGAN</b>	22
2.1. Pendahuluan/Preliminari	22
2.2. Teks	23
2.3. Tambahan / Suplementari	24
<b>3. PENYERAHAN TESIS</b>	24
<b>4. FORMAT</b>	25
4.1. Penjilidan	25
4.2. Panjang Tesis	25
4.3. Kertas dan Penduaan	26
4.4. Penaipan	26
4.4.1. <i>Kualiti Penaipan</i>	26
4.4.2. <i>Jarak</i>	26
4.5 Birai	27
4.6 Penomboran Mukasurat	27
4.7 Pecahan Kecil	27
4.8 Nota dan Catatan Kaki	27
4.9 Jadual	28
4.10 Rajah	28
<b>5. NOTA MAKLUMAT LAIN</b>	28
5.1. Rujukan yang Diperakukan	28
5.2. Unit Ukuran	28
5.3. Etika Penyelidikan (Plagiarisme)	28
<b>LAMPIRAN A</b> Borang Notis Penyerahan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis	30
<b>LAMPIRAN B</b> (Borang Penyerahan Awal)	32
<b>LAMPIRAN C</b> (Borang Penyerahan Muktahir)	34
<b>LAMPIRAN D</b>	36
<b>LAMPIRAN E</b>	37
<b>LAMPIRAN F</b>	38
<b>LAMPIRAN G</b>	39
<b>LAMPIRAN H</b>	40
<b>LAMPIRAN I</b> (Sistem Harvard)	41
<b>LAMPIRAN J</b> (Sistem Harvard)	42

## *Selayang pandang.....*

### **KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) merupakan sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka. Telah mula beroperasi sejak tahun 1994 dengan nama Kolej Islam Melaka (KIM), pada tahun 2001 Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Melaka bil. 29/2001 yang bersidang pada 3 Oktober 2001 dan disahkan pada 10 Oktober 2001 telah bersetuju mengubah nama Kolej Islam Melaka kepada Kolej Teknologi Islam Melaka (KTIM). Pada tahun 7 Oktober 2005 dengan kelulusan daripada Pendaftar Insituti Pengajian Tinggi Swasta telah meluluskan pertukaran nama kepada Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka.

1 Julai 2009 Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka telah dinaiktaraf menjadi sebuah Kolej Universiti dengan nama ***Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)***. Kolej Universiti Islam Melaka mempunyai Institut Pengajian Siswazah, Akademi Pengajian dan dan lima (5) buah Fakulti yang mana kesemuanya ditempatkan di sebuah kampus di Kuala Sg. Baru Melaka. KUIM menawarkan program pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Kedoktoran (Phd), Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

#### ***Akademi dan Fakulti***

- Institut Pengajian Siswazah
- Akademi Pengajian Islam
- Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan
- Fakulti Kejururawatan
- Fakulti Pengurusan Hospitaliti
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Sastera dan Sains Sosial

#### ***Kemudahan- Kemudahan***

- Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni
- Kemudahan hot spot (*wifi zone*)
- RUMSIS (asrama) sepanjang tempoh pengajian (*bagi diploma dan ijazah sarjana muda sahaja*)
- Bantuan kewangan / Tabung Kebajikan Pelajar
- Pinjaman pelajaran (*bagi diploma dan ijazah sarjana muda sahaja*)
- Perpustakaan dan makmal Komputer
- Kemudahan riadah (stadium, gelanggang permainan, padang bola, gelanggang futsal dan sebagainya)
- Kemudahan pengangkutan
- Kemudahan mesin pengeluaran wang (*ATM*) (*BIMB*)
- Klinik kesihatan KUIM

**VISI**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

Untuk menjadi sebuah Pusat Pengajian Tinggi yang unggul dan cemerlang di dalam pengajian yang berteraskan Islam.

**MISI**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

Melaksanakan usaha pendidikan dan pengembangan jalinan ilmu duniawi dan ukhrawi, latihan dan kemahiran berteknologi serta penyelidikan dan pembangunan sumber manusia berwadahkan Islam.

**OBJEKTIF**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

1. Melahirkan generasi Muslim yang berilmu dan bertaqwa dalam menyebarkan ajaran Islam berpaksikan Al-Quran dan As-Sunnah.
2. Melaksanakan dan mentarbiyyahkan pelbagai ilmu berteraskan Islam.
3. Melahirkan generasi yang mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam pelbagai bidang pengajian Islam, Sains Teknologi, Sains Sosial dan ilmu-ilmu terkini.
4. Membina generasi yang memiliki daya ketahanan diri dalam menangani cabaran semasa dan peka terhadap realiti zaman mendatang.
5. Mewujudkan golongan ilmuan berwibawa yang sentiasa mensyukuri nikmat dan rahmat Allah.
6. Menyokong dan membantu negara dalam melaksanakan dan merealisasikan dasar pendidikan negara.

**MAKLUMAT PROGRAM PENGAJIAN****Institut Pengajian Siswazah**

- Ijazah Doktor Falsafah Sejarah (PhD Sejarah) 3 - 5 tahun
- Ijazah Doktor Falsafah Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan 3 - 5 tahun
- Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam (PhD Syariah) 2 - 5 tahun
- Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam (PhD Dakwah) 2 - 5 tahun
- Ijazah Sarjana Sejarah 1½ - 3 tahun
- Ijazah Sarjana Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan 1½ - 3 tahun
- Ijazah Sarjana Sains Pengurusan 1½ - 3 tahun
- Ijazah Sarjana Pengajian Islam Dakwah 1½ - 3 tahun
- Ijazah Sarjana Syariah 1½ - 3 tahun

**Akademi Pengajian Islam**

- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dan Pembangunan Islam dengan kepujian 3 ½ tahun
- Ijazah Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dengan kepujian 3 ½ tahun
- Diploma Pengurusan Dan Pentadbiran Islam 3 tahun
- Diploma Pengajian Islam Dengan Pembangunan Sumber Manusia 3 tahun
- Diploma Undang-Undang Dan Syariah 3 tahun
- Diploma Kewangan Syariah 3 tahun
- Diploma Syariah Islamiyyah 3 tahun
- Diploma Usuluddin 3 tahun
- Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat 3 tahun

**Fakulti Sastera dan Sains Sosial**

- Ijazah Sarjana Muda Psikologi 3 ½ tahun
- Diploma Kaunseling 3 tahun
- Diploma Komunikasi Massa 3 tahun

**Fakulti Inovasi Perniagaan Dan Perakaunan**

- Ijazah Sarjana Muda pentadbiran Perniagaan Keusahawanan Dengan Keputjian 4 tahun
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Kewangan Dengan Keputjian 4 tahun
- Diploma Perakaunan 3 tahun
- Diploma Pemasaran 3 tahun
- Diploma Kewangan 3 tahun
- Diploma Sistem Maklumat Perniagaan 3 tahun
- Diploma Pengurusan Inovasi 3 tahun

**Fakulti Pengurusan Hospitaliti**

- Ijazah Sarjan Muda Pengurusan Hospitaliti dengan Keputjian 4 tahun
- Diploma Pengurusan Perhotelan 3 tahun

- Diploma Pengurusan Pelancongan 3 tahun
- Diploma Pengurusan Acara 3 tahun

**Fakulti Kejururawatan**

- Diploma Kejururawatan 3 tahun

**=Fakulti Sains Dan Teknologi**

- Diploma Bioteknologi 3 tahun
- Diploma Kejuruteraan Elektrik 3 tahun
- Diploma Kejuruteraan Automotif 3 tahun

\* semua program KUIM sehingga Disember 2014

**PROGRAM PASCA SISWAZAH**

PROGRAM PENGAJIAN	SYARAT KEMASUKAN
<b>IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SEJARAH (PhD)</b> <i>JPT/BPP(N/225/8/0001) 07/16 (PA 0969)</i> <b>IJAZAH DOKTOR FALSAFAH KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN (PhD)</b> <i>JPT/BPP(N/142/8/0001) 10/16 (PA 0968)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda <b>atau</b>;</li> <li>• Ijazah sarjana Muda dengan mendapat kepujian kelas Pertama dan mendaftar sebagai pelajar Ijazah Sarjana terlebih dahulu dan lulus ujian kelayakan berkaitan <b>atau</b>;</li> <li>• Kelayakan-kelayakan lain yang di iktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>
<b>IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENGAJIAN ISLAM (SYARIAH)(PhD)</b> <i>JPT/BPP (N/221/8/0131) 12/19 (PA 5010)</i> <b>IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENGAJIAN ISLAM (DAKWAH)(PhD)</b> <i>JPT/BPP (N/221/8/0132) 11/19 (PA 5009)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf <b>atau</b>;</li> <li>• Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>
<b>IJAZAH SARJANA SEJARAH</b> <i>JPT/BPP(N/220/7/0003) 02/16 (PA 0370)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda (kepujian) dalam bidang berkaitan dengan CGPA minimum 2.0; <b>atau</b>;</li> <li>• Kelayakan-kelayakan lain yang di iktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>
<b>IJAZAH SARJANA KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN</b> <i>JPT/BPP(N/146/7/0004) 03/16 (PA 0440)</i>	
<b>IJAZAH SARJANA SAINS PENGURUSAN</b> <i>JPT/BPP(N/345/7/0060) 04/16 (PA 0610)</i>	
<b>IJAZAH SARJANA PENGAJIAN ISLAM DAKWAH</b> <i>JPT/BPP(N/221/7/0036) 07/16 (PA 0997)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (kepujian) yang berkaitan dengan CGPA minimum 2.0; <b>atau</b>;</li> <li>• Kelayakan-kelayakan lain yang di iktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>

<b>IJAZAH SARJANA SYARIAH</b> <i>JPT/BPP (N221/7/0041) 7/17 (PA 1944)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (kepujian) yang berkaitan dengan CGPA minimum 2.7; <b>atau</b>;</li> <li>• Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.</li> </ul>
--	---

## PANDUAN PENDAFTARAN

Tawaran pengajian ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

### 1.0 LAPORAN KESIHATAN

Calondikehendaki membuat pemeriksaan doktor dari hospital kerajaan ataupun hospital/klinik swasta dengan disertakan laporan Pemeriksaan X-Ray (Borang pemeriksaan doktor ada dilampirkan iaitu **Borang BB02-5**). Anda dikehendaki membawa Laporan Pemeriksaan Doktor semasa anda mendaftar. **Sekiranya kesuntukan masa**, anda boleh mendaftar dengan diberi tempoh sebulan untuk menyelesaikannya. Kos pemeriksaan doktor adalah ditanggung oleh calon.

### 2.0 PENDAFTARAN

Sekiranya calon menerima tawaran ini, calon dikehendaki mendaftar dengan membawa bersama-sama borang yang lengkap diisi seperti yang dilampirkan seperti berikut :

<b>Borang BB02-3</b>	<b>Borang Pengesahan Penerimaan Tawaran</b>
<b>Borang BB02-4</b>	<b>Biodata Calon, disertakan sekali salinan Slip Keputusan STPM/SPM/STAM, transkrip diploma/ sarjana muda dan salinan sijil berhenti sekolah dan ko-kurikulum</b>
<b>Borang BB02-5</b>	<b>Pemeriksaan Kesihatan beserta X-Ray</b>
<b>Borang BB02-7</b>	<b>Surat Sumpah</b>

**Tarikh pendaftaran** adalah seperti mana yang dinyatakan di dalam surat tawaran. **Sekiranya calon menerima tawaran ini setelah tarikh pendaftaran, calon boleh merujuk kepada Institut Pengurusan Siswazah KUIM.** Pendaftaran ini hanya sah bagi pendaftaran sesi kemasukan seperti yang dinyatakan pada surat tawaran pengajian sahaja. Semua borang yang diberikan kepada calon perlulah diisi lengkap sebelum hari pendaftaran.

### 3.0 BAYARAN PENDAFTARAN

Bayaran Pendaftaran adalah berbeza mengikut akademi/fakulti. Pada hari pendaftaran, calon boleh membuat bayaran pendaftaran mengikut jumlah bayaran yang telah ditetapkan oleh pihak KUIM (sila rujuk jadual dibawah). Lebihan yuran pengajian boleh dibayar secara terus di Kaunter Unit Hasil Bahagian Kewangan KUIM.

#### Bayaran pendaftaran:

Akademi/Fakulti	Pendaftaran (RM)	MPP (RM)	Fee kemasukan (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
Program Ijazah Doktor Falsafah (PhD)	RM 600.00	70.00	50.00	<b>720.00</b>
Program Ijazah Sarjana (Master)	RM 700.00	70.00	50.00	<b>820.00</b>

### 4.0 CARA PEMBAYARAN YURAN PENDAFTARAN

Calon dikehendaki menjelaskan bayaran pendaftaran kepada pihak Kolej Universiti Islam Melaka dengan dikreditkan terus ke dalam akaun semasa Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Pihak kami tidak akan menerima apa-apa bayaran dalam bentuk cek samada cek perseorangan atau cek syarikat. Calon dikehendaki membawa salinan slip pembayaran tersebut sebagai bukti pembayaran ke kaunter pembayaran pada hari pendaftaran. ***Sekiranya kesuntukkan masa*** pembayaran secara tunai boleh dilakukan di kaunter kewangan pada hari pendaftaran tersebut.

***\* Calon dinasihatkan membuat bayaran terus ke akaun KUIM untuk melancarkan proses pendaftaran.***

Bayaran Pendaftaran:	
<b>Butiran Maklumat Bank</b>	
<b>NAMA BANK</b>	<b>: BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)</b>
<b>NAMA AKAUN</b>	<b>: KOLEJ TEKNOLOGI ISLAM MELAKA (KTIM)</b>
<b>NO. AKAUN</b>	<b>: 04024010001000</b>

Lain-lain yuran hendaklah dibayar di kaunter Bahagian Kewangan, Kolej Universiti Islam Melaka. Jika ada calon yang masih mempunyai yuran tertunggak pada sesuatu semester, pihak KUIM berhak menghalang calon daripada menduduki peperiksaan akhir semester.



## 5.0 KOD ETIKA BERPAKAIAN (SEWAKTU KULIAH)

### 5.1 Mahasiswa

- Kemeja lengan panjang/pendek
- Seluar panjang (slack)

### 5.2 Mahasiswi

- Baju kurung dan bertudung (menutupi bahagian dada, rambut dan bahu).
- Bagi pelajar **Non-Muslim** pakaian adalah yang sopan, tidak ketat dan tidak menjolok mata.
- Pemakaian Purdah **tidak dibenarkan** di dalam kawasan Kampus KUIM

## 6.0 PENARIKAN DIRI SELEPAS MENDAFTAR

### 6.1 Prosedur Penarikan Diri

6.1.1 Permohonan penarikan diri hendaklah **dikemukakan secara bertulis** dan diluluskan oleh Bahagian Akademik dan Antarabangsa. Calon dikehendaki **mengisi Borang Berhenti** dari pengajian yang boleh didapati dari Institut Pengajian Siswazah. Borang berhenti hendaklah **diisi dengan lengkap** oleh calon sendiri atau keluarga. Pihak KUIM tidak akan menerima borang berhenti yang tidak dilengkapi sepenuhnya oleh pemohon.

6.1.2 Calon juga perlu berjumpa dengan Dekan/Penyelaras program terlebih dahulu sebelum mengisi borang berhenti.

## 7.0 TINGKAH LAKU CALON

Sepanjang tempoh pengajian di Kolej Universiti Islam Melaka anda dikehendaki :

- 7.1 Mematuhi Undang-Undang Negara dan Peraturan Kolej Universiti Islam Melaka (Tatatertib Pelajar) dan peraturan yang digubal dari semasa ke semasa.
- 7.2 Sentiasa menjaga nama baik KUIM, harta benda dan kemudahan yang disediakan.
- 7.3 Menghormati pegawai, pensyarah, anggota perkhidmatan Kolej Universiti Islam Melaka serta mengambil bahagian dalam semua kegiatan yang dianjurkan oleh Akademi/Fakulti, Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Mahasiswa dan Bahagian Pentadbiran KUIM.

- 7.4 Tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang boleh menghalang Pentadbiran KUIM.

**8.0 HAK MENARIK SEMULA TAWARAN PENGAJIAN**

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) berhak menarik semula/ membatalkan sesuatu tawaran pengajian atau menyingkirkan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pada satu-satu masa sepanjang tempoh pengajian didapati kenyataan dan maklumat yang diberi dalam permohonan adalah palsu / melanggar mana-mana peraturan atau sekiranya berlaku kesilapan di dalam penawaran program dari pihak Kolej Universiti Islam Melaka.

***Pada hari pendaftaran, calon dikehendaki memakai pakaian sopan dan menutup aurat.***



**MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
(MPPKUIM)**



Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Kolej Universiti Islam Melaka  
TEL: 06-3878382/8412 FAKS: 06-3878986

**YURAN KEAHLIAN  
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
(MPPKUIM)**

BIL	BUTIRAN	JUMLAH
1.	YURAN MPPKUIM	RM 70.00

**MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**NOMBOR AKAUN  
04-024-02-090113-6  
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)**

**Bayaran yuran MPPKUIM boleh dilakukan di:**

- Bayaran yuran keahlian MPPKUIM (hanya sekali bayaran untuk sepanjang tempoh pembelajaran di KUIM)
- Wajib kepada semua calon Kolej Universiti Islam Melaka
- Semua bayaran boleh dibuat melalui Wang Pos / Bank Draf
- Bayaran yang dibuat melalui Bank Draf perlulah dibawa salinan bayaran semasa hari Pendaftaran, manakala
- Bayaran yang dibuat melalui wang pos perlulah dibayar atas nama “**Majlis Perwakilan Pelajar, Kolej Universiti Islam Melaka**”

**YURAN PENGAJIAN PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PhD)**

JENIS YURAN	PENDAFTARAN	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 2		TAHUN 2		JUMLAH BESAR
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 3	SEM 4	SEM 3	SEM 4	
		JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
YURAN PENDAFTARAN	430.00	0.00	360.00	360.00	360.00	360.00	360.00	360.00	360.00	2950.00
YURAN BERULANG	120.00		120.00	120.00	120.00	120.00	120.00	120.00	120.00	960.00
TABUNG KEBAJIKAN	20.00		20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	160.00
INSURAN	30.00									30.00
KONVOKESYEN									100.00	100.00
ALUMNI										0.00
PROSES TESIS									200.00	200.00
<b>JUMLAH (a)</b>	<b>600.00</b>	<b>0.00</b>	<b>500.00</b>	<b>500.00</b>	<b>500.00</b>	<b>500.00</b>	<b>500.00</b>	<b>500.00</b>	<b>800.00</b>	<b>4400.00</b>
YURAN PENGAJIAN	0.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	16000.00
<b>JUMLAH (b)</b>	<b>0.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>16000.00</b>
*CAGARAN PERPUSTAKAAN	0.00	150.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	150.00
<b>JUMLAH (c)</b>	<b>0.00</b>	<b>150.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>150.00</b>
<b>JUMLAH BESAR (a+b+c)</b>	<b>600.00</b>	<b>2150.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>2800.00</b>	<b>20550.00</b>

\* Yuran cagaran perpustakaan akan dipulangkan semula kepada calon setelah tamat pengajian.

- Ijazah Doktor Falsafah Sejarah
- Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam Syariah
- Ijazah Doktor Falsafah Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan
- Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam Dakwah

**YURAN PENGAJIAN PROGRAM IJAZAH SARJANA (MASTER)**

JENIS YURAN	PENDAFTARAN	TAHUN 1		TAHUN 2		JUMLAH BESAR
		SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	
		JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	
YURAN PENDAFTARAN	530.00	0.00	360.00	360.00	360.00	1610.00
YURAN BERULANG	120.00	0.00	120.00	120.00	120.00	480.00
TABUNG KEBAJIKAN	20.00	0.00	20.00	20.00	20.00	80.00
INSURAN	30.00	0.00	0.00	0.00	0.00	30.00
KONVOKESYEN	0.00	0.00	0.00	100.00	0.00	100.00
PERALATAN DAN MAKMAL	0.00	0.00	0.00	200.00	0.00	200.00
<b>JUMLAH (a)</b>	<b>700.00</b>	<b>0.00</b>	<b>500.00</b>	<b>800.00</b>	<b>500.00</b>	<b>2500.00</b>
YURAN PENGAJIAN	0.00	2000.00	2000.00	2000.00	2000.00	8000.00
<b>JUMLAH (b)</b>	<b>0.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>2000.00</b>	<b>8000.00</b>
**CAGARAN PERPUSTAKAAN	0.00	150.00	0.00	0.00	0.00	150.00
<b>JUMLAH (c)</b>	<b>0.00</b>	<b>150.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>150.00</b>
<b>JUMLAH BESAR (a+b+c)</b>	<b>700.00</b>	<b>2150.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>2800.00</b>	<b>2500.00</b>	<b>10650.00</b>

\*Yuran cagaran perpustakaan akan di pulangkan kepada calon setelah tamat pengajian.

- Ijazah Sarjana Sejarah
- Ijazah Sarjana Sains Pengurusan
- Ijazah Sarjana Syariah
- Ijazah Sarjana Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan
- Ijazah Sarjana Pengajian Islam Dakwah

## MAKLUMAT UMUM PENGAJIAN

### 22. IKLAN DAN PERMOHONAN

- a) Program Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara disertasi serta semua program pengajian ijazah tinggi Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) diiklankan dalam akhbar-akhbar Utama atau di laman web <http://www.kuim.edu.my> sebelum permulaan setiap semester.
- b) Permohonan masuk ke mana-mana program pengajian ijazah tinggi hendaklah dibuat secara 'on-line' atau di atas borang permohonan yang ditetapkan yang boleh diperolehi di Bahagian Hal Ehwal Akademik, KUIM. Borang yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- c) Calon yang berminat mengikuti program Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara disertasi, boleh memohon pada bila-bila masa.
- d) Permohonan Kemasukan mengikuti program Sarjana secara kursus dan disertasi hendaklah sampai ke Bahagian Hal Ehwal Akademik, KUIM pada atau sebelum tarikh tutup permohonan seperti yang telah ditetapkan di dalam iklan. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.
- e) Bagi calon yang ingin membuat penyelidikan, format menulis kertas cadangan hendaklah mengikuti garis panduan yang telah dilampirkan sama-sama dalam borang permohonan oleh pihak Hal Ehwal Akademik. Kertas cadangan yang tidak mengikut format akan dikembalikan kepada calon untuk dikemaskini.

### 23. JENIS PROGRAM

- a) Program secara tesis/disertasi di mana peratusan bahagian penyelidikan seratus peratus (100%) program pengajian berkenaan dan,
- b) Program secara kursus dan disertasi, di mana peruntukan jam kredit untuk bahagian penyelidikan merupakan tidak kurang daripada tujuh puluh peratus (>70%) daripada jumlah jam kredit bagi keseluruhan program pengajian berkenaan.

### 24. PROGRAM PENGAJIAN

Program-program pengajian ijazah tinggi yang ditawarkan di KUIM adalah seperti berikut:

- i. Doktor Falsafah.
- ii. Sarjana yang terdiri daripada Sarjana secara kursus dan disertasi dan Sarjana secara disertasi.

## 25. SYARAT KEMASUKAN

### 25.1 Kelayakan Masuk

#### PROGRAM SARJANA (SECARA DISERTASI)

- i. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian atau kelayakan setaraf dengannya;  
Atau;
- ii. Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan setaraf dengannya;  
dengan
  - a) Sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja yang relevan;  
Atau;
  - b) Bukti penerbitan dalam bidang yang berkaitan;  
Atau;
- iii) Kelayakan iktisas dari badan profesional yang diiktiraf  
Atau;
- iv) Kelayakan lain yang diluluskan oleh senat dari semasa ke semasa

### 25.2 Syarat Bahasa Inggeris

- a. Bahasa Inggeris dijadikan syarat kemasukan bagi semua calon ijazah tinggi warganegara asing yang ijazah mereka diperolehi daripada universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan; dan
  - i. Calon tersebut ingin menulis disertasi atau tesis mereka dalam Bahasa Inggeris; atau
  - ii. Program ijazah tinggi yang ingin diikuti adalah dalam Bahasa Inggeris.
- b. Bagi calon warga asing dikehendaki mencapai skor TOEFL (Test of English as a Foreign Language) minimum 500 atau band 5 bagi IELTS (International Language Testing Service) sebelum mendaftar program.

## 26. TEMPOH PENGAJIAN

Mana-mana program pengajian yang ditawarkan adalah tertakluk kepada tempoh pengajian seperti berikut:

- i. Doktor Falsafah, tempoh minimum yang tidak kurang daripada (4) semester dan tempoh maksimum yang tidak melebihi dua belas (12) semester;

- ii. Sarjana secara disertasi , tempoh minimum yang tidak kurang dua (2) semester dan tempoh maksimum yang tidak melebihi lapan (8) semester;
- iii. Sarjana secara kursus dan disertasi, tempoh minimum yang tidak kurang daripada tiga(3) semester dan tempoh maksimum yang tidak melebihi lapan (8) semester.

## **27. YURAN**

- a. Calon ijazah tinggi hendaklah menjelaskan segala yuran dan bayaran lain yang ditetapkan pada masa pendaftaran permulaan atau pada masa memperbaharui pendaftaran melainkan dikecualikan daripada mana-mana yuran atau bayaran atau kedua-duanya.
- b. Mana-mana calon yang hendak dijelaskan yuran dan bayaran lain secara ansuran hendaklah membuat permohonan di atas borang yang ditetapkan yang boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, KUIM.
- c. Calon yang gagal menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain tidak akan dibenarkan menduduki sebarang peperiksaan program pengajian berkenaan.

## **28. STUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

Struktur program pengajian Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana adalah seperti mana yang ditetapkan kepada kaedah-kaedah ini dan yang diluluskan oleh Senat bagi program berkenaan.

## **29. PENDAFTARAN**

- a. Pendaftaran Permulaan
  - i. Doktor Falsafah, pada bila-bila masa dalam sesi berkenaan asalkan tidak melebihi enam bulan daripada tarikh tawaran asal dibuat;
  - ii. Sarjana (secara disertasi) pada bila-bila masa dalam sesi berkenaan asalkan tidak melebihi enam bulan daripada tarikh tawaran asal dibuat; walau bagaimanapun, seseorang calon yang disyaratkan mengikuti mana-mana kursus, dikehendaki mendaftar untuk kursus berkenaan dalam semester yang kursus tersebut ditawarkan. Pendaftaran berkenaan dilakukan dalam seminggu sebelum semester berkenaan bermula.

- b. Pembaharuan Pendaftaran

Calon ijazah tinggi hendaklah memperbaharui pencalonan masing-masing tidak lewat daripada dua minggu dari tarikh permulaan semester berkenaan. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan pencalonan diluputkan.



## 9. PENDAFTARAN SERENTAK

- a. Seseorang calon ijazah tinggi tidak dibenarkan berdaftar serentak untuk program lain yang membawa kepada sesuatu ijazah, diploma atau sijil di Kolej Universiti ini atau institut pengajian tinggi lain.
- b. Dekan atas persetujuan Fakulti boleh dibenarkan seseorang calon ijazah tinggi berdaftar serentak untuk program lain yang membawa kepada ijazah, diploma atau sijil institut pengajian tinggi lain jika:
  - i. Calon itu telah mengemukakan kepada Pendaftar tesis atau disertasinya untuk peperiksaan;  
Dan,
  - ii. Program itu tidak sama dengan program ijazah tinggi yang didaftarkan serentak di Kolej Universiti ini.

## 10. PERLANJUTAN TEMPOH PENCALONAN

Tempoh maksimum pencalonan bagi semua program pengajian tidak boleh dilanjutkan. Walau bagaimanapun dalam keadaan istimewa, Senat atas perakuan Fakulti boleh melanjutkan tempoh pencalonan maksimum seperti berikut:

- i. Program Doktor Falsafah tidak melebihi 1 tahun  
  
Dan
- ii. Program Sarjana tidak melebihi 1 tahun.

## 11. PENARIKAN DIRI

### 11.1 Penarikan Diri Dari Program

Penarikan diri dari program pengajian bermakna calon tidak akan meneruskan program pengajian berkenaan. Permohonan hendaklah dibuat secara rasmi kepada dekan.

### 11.2 Penarikan Diri Dari semester

- a. Penarikan diri dari semester bermakna penarikan diri daripada kursus yang didaftarkan oleh calon bagi semester berkenaan.
- b. Calon yang sedang mengikuti bahagian kursus di benar mengemukakan permohonan menarik diri dari daripada mana-mana satu semester pengajiannya.
- c. Calon hendaklah mengemukakan permohonan rasmi untuk maksud penarikan diri dari semester.
- d. Tempoh di mana calon telah menarik diri akan di ambil kira dalam tempoh maksimum pengajian calon untuk program tersebut.

11.3 Penarikan Diri Dari Kursus

- a. Penarikan diri dari kursus bermakna penarikan diri dari satu atau lebih kursus yang didaftarkan oleh calon bagi semester berkenaan.
- b. Tiada catatan dimasukkan ke dalam rekod tetap rasmi calon sekiranya beliau menarik diri dari kursus dalam tempoh tidak lewat daripada hari jumaat minggu ketiga sesuatu semester.
- c. Tanda TD akan dimasukkan ke dalam rekod tetap rasmi calon sekiranya beliau menarik diri dari kursus dalam tempoh di antara hari isnin minggu keempat hingga hari jumaat minggu kelapan sesuatu semester.
- d. Penarikan diri yang dilakukan selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan melainkan sebagai kes khas oleh dekan atas rayuan calon berkenaan. Rayuan hanya akan dipertimbangkan atas alasan kecemasan yang di sokong oleh sijil/bukti dokumentasi.
- e. Penarikan diri dari mana-mana atau kesemua kursus tidak dibenarkan selepas tarikh kelas yang dijadualkan secara biasa.
- f. Penarikan diri dari mana-mana atau kesemua kursus tidak dibenarkan selepas calon menduduki peperiksaan akhir sesuatu kursus.
- g. Permohonan atas sebab-sebab berikut tidak boleh diterima:
  - i. Prestasi calon bagi mana-mana kursus;  
Dan;
  - ii. Kekurangan persediaan bagi kursus berkenaan;  
Dan;
  - iii. Tidak puas hati terhadap mana-mana kursus.
- h. Sekiranya rayuan tidak diluluskan, calon berkenaan dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi kursus-kursus yang ia telah daftar dan jika calon tidak menghadiri peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan, beliau akan mendapat gred F dalam peperiksaan bagi kursus tersebut.
- i. Calon yang berhenti daripada menghadiri sesuatu kursus tanpa penarikan diri secara rasmi akan diberi gred F oleh pensyarah berkenaan dan gred tersebut akan dicatatkan dalam rekod rasmi calon berkenaan.

## 12. PENYELIAAN

- 12.1 Fakulti hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang penyelia bagi setiap calon pengajian ijazah tinggi yang menjalani penyelidikan bagi tesis atau disertasinya.
- 12.2 Penyelia hendaklah mengemukakan suatu laporan Kemajuan Berkala pada setiap semester kepada Dekan yang akan menyampaikannya kepada Fakulti.
- 12.3 Calon yang kemajuan dalam program pengajian tidak memuaskan boleh ditamatkan pencalonannya.

## 13. JAWATANKUASA PEMERIKSA

- 13.1 Jawatankuasa Pemeriksa adalah terdiri daripada Penyelia, Pemeriksa Luar dan Pegawai Tadbir (Peperiksaan) sebagai Setiausaha.
- 13.2 Fakulti hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa luar bagi setiap calon ijazah Doktor Falsafah dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa luar untuk setiap calon ijazah Sarjana.
- 13.3 Pemeriksa luar hendaklah mengemukakan laporan pencapaian calon kepada penyelia untuk tindakan pembedahan dalam masa satu bulan dari tarikh penerimaan tesis/disertasi. Laporan tersebut hendaklah menetapkan pencapaian tesis/disertasi berkenaan seperti berikut.
  - I. Lulus
  - ii. Lulus dengan pembedahan minor
  - iii. Lulus dengan pembedahan major
  - iv. Hantar Semula
  - v. Gagal
- 13.4 Calon yang mendapat keputusan lulus dengan pembedahan minor hendaklah menghantar tesis/disertasi yang telah diperbaiki dan disahkan oleh penyelia dalam tempoh tidak melebihi enam bulan.
- 13.5 Calon yang mendapat keputusan lulus dengan pembedahan major hendaklah menghantar tesis/disertasi yang telah diperbaiki dan disahkan oleh penyelia dalam tempoh tidak melebihi satu tahun.
- 13.6 Calon yang mendapat keputusan Hantar Semula dikehendaki untuk membuat semula tesis/disertasi dan menghantarnya semula ke Bahagian Hal Ehwal Akademik untuk dinilai oleh Jawatankuasa Pemeriksa.
- 13.7 Jawatankuasa Pemeriksa akan menilai dan membuat laporan bahagian-bahagian tesis/disertasi yang perlu diperbaiki atau dibuat pembedahan, menetapkan tempoh pembedahan perlu dilakukan dan mengesahkan pembedahan yang telah dilakukan secara bersama dengan penyelia.

- 13.8 Calon yang mendapat keputusan Gagal, kemajuan calon dikatakan tidak memuaskan dalam persediaan kajiannya justeru calon ditamatkan pengajiannya.

#### **14. KETETAPAN BIDANG PENYELIDIKAN DAN KELULUSAN TAJUK TESIS/DISERTASI**

- 14.1 Ketetapan bidang penyelidikan bagi program Doktor Falsafah dan Sarjana secara disertasi dilakukan semasa calon diterima masuk ke program berkenaan.
- 14.2 Ketetapan bidang penyelidikan bagi calon Sarjana secara disertasi yang hendak mendaftar bahagian disertasinya, dilakukan sebelum calon memulakan bahagian penyelidikannya.
- 14.3 Calon hendaklah mengemukakan tajuk tesis/disertasi kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk menyerahkan tesis/disertasi.

#### **15. PEMBENTANGAN SEMINAR**

- 15.1 Prosedur pembentangan hasil penyelidikan bagi calon Doktor Falsafah adalah seperti berikut:
- a. Calon dikehendaki memberi notis 3 bulan sebelum penyerahan tesis. Pembentangan hasil penyelidikan dalam Seminar Khas akan diatitkan dalam tempoh sekurang-kurangnya sebulan selepas penyerahan tesis. Ini adalah untuk menjamin hak intelektual kajian tersebut terpelihara.
  - b. Jawatankuasa Pemeriksa hanya akan bermesyuarat sekiranya calon telah membuat pembentangan dalam tempoh atau pada tarikh yang ditetapkan.
  - c. Seminar Khas ini akan dibuka kepada warga kampus.
- 15.2 Calon Sarjana digalakkan untuk membentangkan Seminar. Walau bagaimanapun pembentangan Seminar bagi calon Sarjana adalah tertakluk kepada budi bicara Jawatankuasa Program berkenaan.

#### **16. PENYERAHAN**

- 16.1 Masa untuk penyerahan tesis/disertasi adalah seperti mana yang ditetapkan dalam jadual kepada peraturan-peraturan bagi program berkenaan.
- 16.2 Calon hendaklah memberi sekurang-kurangnya tiga bulan notis bertulis kepada Pendaftar untuk memberitahu tujuannya mengenai penyerahan tesis/disertasi untuk pemeriksaan.

- 16.3 Calon hendaklah mengemukakan lima salinan bagi disertasi atau tujuh salinan bagi tesis pemeriksaan. Satu daripada tesis/disertasi tersebut hendaklah merupakan naskah asal. Tesis/disertasi tersebut hendaklah:
- Didahulukan dengan satu ringkasan (sinopsis) yang tidak melebihi 200 patah perkataan;
  - Ditaip atau dicetak 2 barisan langkau di atas kertas bersaiz A4 kecuali untuk lukisan atau peta yang tidak mempunyai had saiz kertas. Ruangan berukuran 4 sentimeter hendaklah disediakan di sebelah kiri; dan
  - Dijilid dengan kertas nipis dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar pada kulit hadapan; dan
  - Dikumukakan bersama-sama dengan tiga salinan abstrak yang tidak melebihi 500 patah perkataan.
- 16.4 Selepas tesis/disertasi diperiksa, calon hendaklah mengemukakan kepada Kolej Universiti tiga naskah tesis/disertasi itu dan satu salinan elektroniknya yang mengandungi mana-mana pembetulan, jika ada. Tesis/disertasi tersebut hendaklah dijilid dalam kulit tebal yang berwarna merah "magenta" untuk program Doktor Falsafah dan Sarjana dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar di tulang belakang tesis/disertasi dan hendaklah diserahkan kepada Kolej Universiti yang sama ada atau tidak tesis/disertasi itu telah dicapai taraf bagi anugerah ijazah berkenaan.
- 16.5 Had patah perkataan adalah seperti berikut:
- Tidak melebihi 60,000 patah perkataan bagi program secara disertasi.
  - Tidak melebihi 100,000 patah perkataan bagi tesis program Doktor Falsafah.
- 16.6 Calon yang ingin melebihi had perkataan yang ditetapkan hendaklah membuat permohonan kepada senat melalui Fakulti sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh penyerahan tesis/disertasi untuk pemeriksaan, dengan memberi alasan mengapa ia tidak dapat mematuhi had panjang yang ditetapkan.
- 16.7 Had patah perkataan yang ditetapkan di atas tidak termasuk:
- Nota kaki, lampiran, jadual dan rajah; dan
  - Pengeluaran semula ataupun terjemahan daripada sebarang teks. Ulasan atau kritik yang dibuat oleh calon mengenainya hendaklah tertakluk kepada had perkataan tersebut.
- 16.8 Calon tidak boleh menyerahkan sebagai tesis/disertasi, kerja yang telah diserahkan untuk ijazah di Kolej Universiti ini atau institut pengajian tinggi yang lain tetapi ia tidak dilarang memasukkan bahagian kerja tersebut

sekiranya ia menunjukkan dengan terang bahagian kerja yang dimasukkan ke dalam tesis/disertasi.

- 16.9 Calon boleh menyerahkan sebarang sumbangan yang telah dicetak dan diterbitkan secara perseorangan atau secara berkumpulan untuk meningkatkan bidangnya. Walau bagaimanapun, disertakan dengan kenyataan yang menjelaskan dengan keterangan dengan terang bahagian kerja yang dibuat oleh calon sendiri. Kenyataan ini hendaklah ditandatangani oleh rakan penulis yang lain.
- 16.10 Tesis/disertasi atau bahagian daripadanya yang telah diluluskan dan kemudiannya diterbitkan, hendaklah mengandungi kenyataan yang terang bahawa ianya telah dikemukakan untuk ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah Kolej Universiti Islam Melaka. Sepanjang pengajiannya, seseorang calon boleh, dengan persetujuan penyeliannya, menerbitkan kertas-kertas hasil kerjanya, dengan syarat mana rujukan sewajarnya diberi kepada Kolej Universiti Islam Melaka di dalam kertas-kertas itu.

## 17. BAHASA TESIS/DISERTASI

Tesis/disertasi hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Dalam teks khas, senat boleh meluluskan suatu bahasa selain daripada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris untuk tesis/disertasi berkenaan.

## 18. PERTUKARAN TARAF PENCALONAN DARI PROGRAM SARJANA KE DOKTOR FALSAFAH

- 18.1 Calon program ijazah Sarjana secara disertasi layak dipertimbangkan untuk menukarkan taraf pencalonannya kepada pencalonan untuk ijazah Doktor Falsafah jika ia telah memenuhi sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan pengajian dan tidak melebihi lima belas (15) bulan pada masa permohonan untuk menukarkan taraf pencalonan.
- 18.2 Calon yang ingin menukarkan taraf pencalonan dari Ijazah Sarjana
- 18.3 ke Ijazah Doktor Falsafah dikehendaki;
  - a. Membuat permohonan bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan bersama-samanya seperti berikut:
    - i. Satu laporan bertulis yang tidak melebihi 6000 patah perkataan mengenai:
      - i.i Pengenalan dan skop penyelidikan;
      - i.ii Objektif penyelidikan;
      - i.iii Kaedah penyelidikan;
      - i.iv Hasil penyelidikan yang telah diperolehi setakat dua belas(12) bulan yang lalu; Dan
      - i.v Rancangan penyelidikan seterusnya ke peringkat Doktor Falsafah.

- ii. surat sokongan dan laporan daripada penyeliannya; dan
  - iii. sokongan daripada Dekan.
- b. Membentangkan hasil penyelidikan dalam satu seminar bagi para hadirin yang terdiri daripada kakitangan fakulti serta pakar-pakar dari luar Kolej Universiti dalam bidang yang sama. Seminar tersebut hendaklah diadakan dalam masa satu bulan dari permohonan penukaran taraf pencalonan yang lengkap diterima daripada calon.

## **19. SYARAT BAHASA MELAYU**

Calon yang terdiri daripada warganegara Malaysia dikehendaki memperolehi sekurang-kurangnya gred lulus dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

## **20. PEPERIKSAAN**

Peperiksaan bagi setiap program pengajian adalah tertakluk kepada dan hendaklah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bahagian peperiksaan Kolej Universiti Islam Melaka.

## **21. PENGIJAZAHAN**

Seseorang calon ijazah tinggi boleh dianugerahkan ijazah berkenaan tertakluk kepada ia telah;

- 21.1 Memenuhi segala keperluan kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Melaka dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah kaedah-kaedah ini;
- 21.2 Memuaskan Jawatankuasa kaedah-kaedah Kolej Universiti Islam Melaka mana yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan peperiksaan Kolej Universiti Islam Melaka;

dan

- 21.3 Menjelaskan semua yuran yang ditetapkan dan bayaran lain yang dikenakan oleh Kolej Universiti Islam Melaka.

## **PANDUAN PENULISAN TESIS**

### **1. PENGENALAN**

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA, menawarkan tiga kaedah rancangan pasca siswazah di peringkat sarjana iaitu (a) kerja kursus, (b) kerja kursus dan penyelidikan dan (c) penyelidikan sepenuhnya. Kaedah (a) memerlukan calon menyerahkan Laporan Penyelidikan semerta kaedah (b) dan (c) memerlukan penulisan Disertasi. Rancangan Doktor Falsafah pula memerlukan penyerahan Tesis.

Memandang calon pasca siswazah perlu menghasilkan sama ada laporan penyelidikan, disertasi mahupun tesis, maka pihak Hal Ehwal Akademik mengambil inisiatif mengumpulkan garis panduan umum bagi membantu calon-calon menyempurnakan bahagian ini dalam rancangan masing-masing.

Panduan ini menjelaskan keperluan yang minimum bagi format dan format dan bentuk akhir Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis yang mesti dipenuhi untuk mendapatkan kelulusan pihak Kolej Universiti. Tiap-tiap Akademi / Fakulti / Institut / Pusat mungkin ada keperluan-keperluan tertentu yang mesti dipatuhi juga didalam penyediaan Laporan Penyelidikan / Disertai / Tesis ini.

### **2. SUSUNAN KANDUNGAN**

Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis itu mengadungi tiga bahagian iaitu :

- Pendahuluan / Preliminari
- Teks
- Tambahan / Suplementari

Penyusunan setiap bahagian ini adalah mengikut budi bicara calon selepas berbincang dengan penyelia.

#### **2.1 Pendahuluan/Preliminari**

Pendahuluan mengandungi yang berikut:

- ***Halaman Judul***  
Judul / tajuk seperti yang diluluskan oleh senat, nama calon seperti didaftar dengan Kolej Universiti, kenyataan '...diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah...' dan tarikh penyerahan.
- ***Abstrak***  
Biasanya ditulis kemudian tetapi diletakkan di bahagian hadapan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis selepas halaman judul. Kegunaan abstrak ialah (a) meringkaskan struktur asas Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis dan (b) membantu pembaca mengingat fakta-fakta penting. Abstrak ditulis tidak melebihi 500 perkataan untuk Tesis Ph.D dan 200-250 perkataan untuk Laporan Penyelidikan / Disertasi. Jika Penyelidikan / Disertasi / Tesis ditulis dalam Bahasa Malaysia, tajuk serta abstrak haruslah ditulis dalam Bahasa Inggeris, dan sebaliknya.



- **Penghargaan**  
Bahagian ini tidak diwajibkan. Walaupun bagaimanapun, kebanyakan Laporan Penyelidikan / Disertai / Tesis memasukkan satu kenyataan yang ringkas untuk menyampaikan penghargaan terhadap sebarang bantuan istimewa.
- **Isi Kandungan**  
Tajuk, bab dan pecahan kecil yang utama hendaklah disenaraikan. Sebaiknya tajuk dinomborkan (contoh: 1), tajuk kecil (contoh 1.4) dan tajuk yang kecil kepada tajuk kecil (contoh: 1.4.6). Huruf kecil di dalam kurungan [ contoh: 1.4.6 (a)] boleh digunakan untuk membahagikan tajuk kecil menjadi lebih kecil lagi. Sistem penomboran ini dapat memberikan gambaran tentang tajuk besar dan tajuk kecil dan perkaitan antaranya.
- **Senarai Rajah**  
Senarai ini menggunakan nombor dan penerangan yang sama dengan yang terdapat pada sebelah bawah rajah di dalam teks atau apendiks. Sistem penomboran seperti [contoh: Rajah 1, Rajah 1.4, Rajah 1.4.6 dan Rajah 1.4.6 (a)] bolehlah digunakan.
- **Senarai Jadual**  
Senarai ini juga menggunakan nombor dan penerangan yang sama dengan yang terdapat pada sebelah atas jadual di dalam teks atau apendiks. Sistem penomboran [contoh: Jadual 1, Jadual 1.4, Jadual 1.4.6 dan Jadual 1.4.6 (a)] patut digunakan.
- **Senarai Simbol, Kependekan atau Tatanama (Jika ada)**  
Senarai ini diletakkan selepas senarai rajah dan jadual.

## 2.2 Teks

Tiada satu format tetap untuk teks. Susunannya terpulung kepada pelajar dan penyeliannya. Lazimnya teks mengadungi bab-bab berikut:

- **Pengenalan**  
Pengenalan mengemukakan masalah yang diselidiki, menghuraikan matlamat kajian dan menggariskan rancangan tindakan penyelidikan.
- **Metodologi**  
Satu huraian yang mendalam tentang kaedah penyelidikan dan bahan instrument yang digunakan. Kaedah-kaedah percubaan hendaklah dijelaskan dengan satu cara yang memungkinkan orang lain menjalankannya tanpa masalah.
- **Keputusan dan analisis data**  
Keputusan yang didapati boleh dibentangkan dalam bentuk rajah, jadual dan sebagainya.

- **Perbincangan**  
Membincangkan keputusan dan analisis data yang didapati dengan lain-lain penyelidik atau perbandingan dengan hipotesis awal dan sebagainya.
- **Ringkasan dan kesimpulan**  
Ini merupakan bahagian major terakhir di dalam teks. Menyimpulkan hasil penyelidikan yang diperolehi.
- **Cadangan**  
Bahagian ini tidak wajib dan dicetak selepas ringkasan dan kesimpulan hanya jika sesuai dengan kajian.

### 2.3 Tambahan / Suplementari

Suplementari patut terdiri daripada:

- Instrument penyelidikan seperti borang soal-selidik, peta atau program komputer.
- **Apendiks**  
Apendiks mengadungi bahagian ilustrasi tambahan, data asal dan petikan yang terlalu panjang hingga tidak dapat dimuatkan kedalam teks. Bahagian ini dapat menghindarkan pembaca melencong dari perbincangan utama.

Ia boleh dibahagikan kepada Apendiks A, B, C dan sebagainya. Tiap-tiap apendiks serta tajuknya, jika ada, hendaklah disenaraikan secara berasingan di dalam Isi Kandungan.

Semua jadual dan rajah di dalam Apendiks hendaklah bernombor dan bertajuk serta disenaraikan di dalam Senarai Jadual dan Senarai Rajah.

- **Bibliografi**  
Sebarang Loparan Penyelidikan / Disertasi / Tesis yang menggunakan karya-karya lain, samada di dalam petikan secara langsung atau melalui rujukan, haruslah mengandungi bibliografi yang menunjukkan puncanya.

Bibliografi ini dimulakan pada mukasurat yang baru dan ditaip dengan huruf besar. Senarai rujukan dimulakan tiga jarak di bawah tajuk itu. Tiap-tiap rujukan ditaip dengan dua jarak di antara satu sama lain dan satu jarak di dalam rujukan yang sama. Senarai rujukan adalah tidak bernombor.

Senarai rujukan boleh ditulis mengikut Sistem Harvard (sila rujuk Apendiks) atau sistem lain yang sesuai.

### 3. PENYERAHAN TESIS

Seseorang pelajar dikehendaki memberikan notis secara bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan lebih awal kepada Dekan / Pengarah, masing-masing. Notis ini mestilah diberikan dengan menggunakan borang tertentu yang boleh didapati dari Pejabat Dekan / Pengarah di Fakulti masing-masing.

Penyerahan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis yang sebenarnya mesti dibuat di dalam jangka masa pencalonan. Lima naskah Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (dijilidkan dengan berkulit nipis) harus diserahkan bersama-sama dengan borang penyerahan awal yang telah diisi, kepada Pejabat Dekan / Pengarah, masing-masing untuk diperiksa.

Tiga naskah Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (dijilidkan dengan berkulit tebal) mestilah diserahkan semula kepada Pejabat Dekan / Pengarah masing-masing setelah semua pembedulan (jika ada) dibuat bersama-sama Borang Penyerahan Mutakhir.

#### **4. FORMAT**

##### **4.1 Penjilidan**

Lima salinan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis awal hendaklah dijilidkan dengan berkulit nipis, satu daripadanya mestilah merupakan naskah asal yang mengandungi hasil kerja dan kajian calon yang asli. Tajuk yang lengkap, nama penulis, nama Kolej Universiti dan tahun penyerahan mestilah ditaip pada kulit depan. Tajuk atau ringkasan tajuk serta nama penulis hendaklah dicetak dalam huruf besar di atas tulang belakang Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis itu.

Tiga naskah Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis yang telah diperiksa dan mengandungi mana-mana pembedulan jika ada hendaklah dijilid dalam kulit tebal jenis rexine yang berwarna merah tua dan diserahkan kepada Kolej Universiti sama ada atau tidak Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis itu telah mencapai taraf bagi anugerah ijazah berkenaan. Tajuk yang lengkap, nama pengarang, nama Universiti serta tahun penyerahan muktamad hendaklah dicetak berhuruf besar dengan font 15 berwarna emas pada kulit hadapan dan sebaliknya nama pengarang, tajuk yang lengkap, tahun penyerahan dan nama ijazah yang akan dianugerahkan dicetak dengan huruf besar berwarna emas dengan saiz huruf yang sesuai pada tulang belakang (sila lihat Apendiks).

##### **4.2 Panjang Tesis**

Laporan Penyelidikan dan kertas projek hendaklah tidak melebihi 20,000 patah perkataan. Disertasi, program secara kursus dan disertasi tidak melebihi 30,000 patah perkataan. Disertasi, program secara disertasi sepenuhnya tidak melebihi 60,000 patah perkataan. Syarat ini tidak termasuk catatan kaki, apendiks, jadual dan rajah, kecuali kebenaran khusus untuk melebihi had ini diberikan oleh senat.

Seseorang calon yang ingin melebihi had panjang yang ditetapkan ini hendaklah memohon kepada Pengarah melalui Penyeliannya sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh penyerahan untuk pemeriksaan dengan memberikan alasan mengapa dia tidak dapat mematuhi had panjang yang telah ditetapkan. Jika Laporan penyelidikan / Disertasi / Tesis itu mengandungi pengeluaran semula atau terjemahan daripada sebarang teks, bahan-bahan seperti ini tidak termasuk dalam had panjang yang telah ditetapkan, tetapi hasil penyelidikan, ulasan atau kritik yang dibuat oleh calon sendiri sahaja yang tertakluk kepada had panjang tersebut.

Calon tidak boleh menyerahkan sebagai Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesisnya kerja yang telah diserahkan untuk ijazah di Kolej Universiti ini atau Institusi Pengajian Tinggi lain tetapi calon tidak dilarang memasukkan bahagian kerja tersebut jika sekiranya calon menunjukkan dengan terang bahagian kerja yang telah dimasukkan dalam laporan penyelidikan / Disertasi / Tesisnya.

Calon boleh menyerahkan sebarang sumbangan yang telah dicetak dan diterbitkan secara berseorangan atau berkumpulan untuk peningkatan bidangnya. Kerja yang dilakukan secara kumpulan hendaklah disertakan dengan kenyataan ini hendaklah ditandatangani oleh rakan penulis yang lain.

Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis atau sebahagian daripadanya yang telah diluluskan kemudian diterbitkan hendaklah dinyatakan dengan terang bahawa ianya telah dikemukakan untuk ijazah. Seseorang calon sepanjang pengajiannya boleh menerbitkan kertas-kertas daripada kerjanya dengan persetujuan penyeliannya dengan syarat nama Kolej Universiti Islam Melaka dirujuk sewajarnya di dalam kertas-kertas itu.

#### **4.3 Kertas dan Penduaan**

Gunakan kertas putih saiz A4 (210 x 297 mm) yang bermutu baik sahaja. Kertas pendua atau kertas computer "pin-feed" tidak boleh digunakan. Hanya sebelah muka surat sahaja yang boleh dicetak.

Naskah yang terakhir yang dijilidkan dengan berkulit tebal itu mestilah naskah yang ditaip, dicetak cara ofset atau salinan fotokopi. Salinan karbon tidak akan diterima. Semua naskah mestilah bersih dan dapat dibaca dengan jelas.

#### **4.4 Penaipan**

##### **4.4.1 Kualiti Penaipan**

Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis mestilah ditaip dua jarak. Hanya satu jenis corak taip yang perlu digunakan iaitu New Times Roman dan Latex untuk matematik. Tulisan skrip tidak diterima. Saiz huruf pada keseluruhannya ialah 12 font.

Pemotongan huruf atau perkataan tidak dibenar. Sebarang pepadaman mestilah bersih. Penggunaan pita lutsinar (selofen tape) untuk sebarang tampalan juga tidak dibenarkan.

##### **4.4.2 Jarak**

Dua jarak bagi teks am mestilah digunakan pada keseluruhannya. Satu jarak pula bolehlah digunakan semasa membuat jadual yang panjang, petikan yang panjang, nota, catatan kaki, keterangan yang mengandungi beberapa banyak baris dan senarai bibliografi.

#### 4.5 Birai

Birai yang ditetapkan bagi teks am adalah seperti yang berikut:

Tepi sebelah atas	:	2.0 cm
Tepi sebelah kanan	:	2.0 cm
Tepi sebelah kiri	:	4.0 cm
Tepi sebelah bawah	:	2.0 cm

Selain yang diatas, panduan yang berikut ini hendaklah juga dipatuhi:

- Jangan taip lebih daripada satu baris dibawah baris birai. Jika yang sebaris itu perlu ditaip, ialah untuk melengkapkan nota kaki ataupun baris terakhir sesuatu bab, pecahan kecil atau keterangan rajah, termasuk keterangan, mestilah mengikuti format birai.
- Sesuatu perenggan yang baru pada bahagian bawah sesuatu muka surat mestilah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris yang lengkap ditaip ; jika tidak hendaklah dimulakan pada muka surat yang baru.

#### 4.6 Penomboran Mukasurat

Semua nombor mukasurat dicetak tanpa tanda bacaan. Nombor dicetak 1.0 cm dari sebelah kanan barisan teks. Keseragaman di dalam pengaturan adalah penting.

Bahagian Permulaan diberi nombor kecil Roman secara berturutan (i,ii,iii dan seterusnya). Mukasurat Judul pada muka hadapan tesis dianggap sebagai mukasurat i, tetapi nombornya ditaip. Nombor Roman ii terletak pada mukasurat pertama selepas mukasurat judul.

Teks dan semua mukasurat Bibliografi termasuk Apendiks diberi nombor Arab berturut-turut (1,2,3 dsb), bermula dengan 1 pada mukasurat pertama teks itu.

Tiap-tiap mukasurat yang telah ditaip atau yang mengandungi lukisan mestilah mempunyai satu nombor kecuali mukasurat Judul.

#### 4.7 Pecahan Kecil

Kolej Universiti tidak menetapkan sebarang keperluan tertentu tentang susunan di dalam sesuatu teks. Namun, sesuatu susunan yang telah dipilih hendaklah digunakan secara konsisten pada keseluruhannya.

#### 4.8 Nota dan Catatan Kaki

Terdapat banyak perbezaan tentang kandungan dan kedudukan nota-nota di dalam penerbitan Sains dan Teknologi, ilmu Kemanusiaan dan ilmu Sains Kemasyarakatan. Calon-calon hendaklah meminta nasihat penyelia masing-masing tentang hal ini. Contohnya, dalam bidang Sains dan Teknologi, catatan kaki tidak digalakkan. Saiz huruf yang digunakan bagi nota dan catatan kaki mestilah lebih kecil daripada saiz huruf yang digunakan di dalam teks am iaitu font 8.

#### 4.9 Jadual

Jadual memang lazim dimuatkan di dalam teks. Jadual-jadual mestilah dimuatkan betul-betul di tengah muka surat di dalam birai yang telah ditetapkan. Setiap jadual mestilah mengandungi satu nombor rujukan dan keterangan. Nombor ini mestilah seiring dengan nombor bab yang di dalamnya jadual itu terdapat. Ada kebbaikannya semua jadual didalam satu bab dikumpulkan dan diberi nombor secara berturutan. Sebagai contoh, jadual-jadual yang terdapat di dalam Bab 3 dapat diberi nombor Jadual 3.1, Jadual 3.2, Jadual 3.3 dan seterusnya.

Perkataan 'Jadual' nombor dan keterangannya dicetak pada sebelah atas jadual itu. Jika sesuatu jadual bersambungan pada muka-muka surat berikutnya, baris atas mukasurat baru hendaklah berbunyi (sebagai contoh: "Jadual 3.7, sambungan"). Keterangan tidak perlu diulangkan. Jika sesuatu merupakan petikan, rujukan mestilah dicatat.

#### 4.10 Rajah

Rajah mungkin merupakan gambar foto yang dilekatkan pada mukasurat, ilustrasi atau graf, rajah sebenarnya ialah apa sahaja yang tidak merupakan teks atau jadual.

Perkataan 'Rajah' nombor rajah dan keterangannya diletakkan di bawah rajah itu. Lazimnya sesuatu rajah tidak melebihi satu muka surat. Jika rajah itu bersambung pada muka surat yang berikutnya, peraturan yang sama dengan peraturan menulis jadual hendaklah diikuti. Seperti jadual, rajah juga dapat dikumpulkan dan diberi nombor mengikut turutan. Gambar foto yang lebih kecil daripada ukuran satu mukasurat hendaklah dilekatkan dengan teguh. Gambar foto boleh juga dicetak sebesar kertas A4. Garis pada rajah hendaklah dibuat dengan kemas.

### 5. NOTA MAKLUMAT LAIN

#### 5.1 Rujukan yang Diperakukan

Calon dinasihati merujuk Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis calon-calon yang telah berjaya menamatkan rancangan Ijazah Tinggi mereka di Kolej Universiti ini yang boleh didapati di perpustakaan Kolej Universiti.

Selain itu, di perpustakaan Kolej Universiti juga terdapat bahan bacaan yang dapat memberikan nasihat yang berguna tentang penyediaan dan persembahan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis.

#### 5.2 Unit Ukuran

*Systeme International d'Unites* (SI) hendaklah digunakan bagi semua data saintifik dan makmal. Jika angka lain perlu dipetik, angka ini hendaklah dimasukkan di dalam kurungan.

#### 5.3 Etika Penyelidikan (Plagiarisme)

Plagiarisme berlaku apabila idea-idea atau perkataan-perkataan dari karya orang lain yang telah diterbitkan digunakan tanpa mencatatkan penghargaan kepada penulis. Dalam

penggunaan idea atau perkataan orang lain, penghargaan mesti dibuat mengikut kebiasaan yang dinyatakan di bawah ini:

- Penggunaan idea atau perkataan orang lain mesti diakui secara perseorangan dalam teks. Tambahan pula, setiap karya yang dirujuk perlu dicatat didalam Bibliografi.
- Sebarang penggunaan perkataan sebenar dari orang lain perlu diakui dengan menggunakan tanda petik serta dengan menyatakan sumbernya di dalam teks.  
Contohnya,

*'Civic education turned away from concentrating on the founding to concentrating on openness based on history and social sciences'*  
(Bloom, 1987, p.29)

Petikan lima barisan atau lebih apabila ditiap harus dimulakan lebih jauh dari garis tepi dan tanda petik tidak perlu digunakan. Contohnya,

*The general theory of relativity, on its own, cannot explain these features or answers these questions because of its prediction that the universe started off with infinite density at the big bang singularity. At the singularity, general relativity and all other physical laws break down: one couldn't predict what will come out of the singularity.* (Hawking, 1988, p.122)

Sekiranya hanya sebahagian satu karangan dari sebuah buku digunakan, maka ia harus dinyatakan dengan menggantikan perkataan yang tidak digunakan dengan tiga titik. Contohnya,

*'There must be give-and-take, with the teacher being a participant as well as leader and ... a source of answers'* (Sizer, 1984, p.118).

Sebarang perkataan sendiri yang ditambah untuk melengkapkan sesuatu petikan perlu dimasukkan dalam tanda kurungan empat segi. Contohnya,

*'This principle [sanctity of contracts] is closely associated with that of freedom of contract...'*  
(Peden, 1982, p. 9)

Sekiranya anda tidak memperolehi sumber asal bagi sesuatu petikan tetapi mendapati ia dirujuk di dalam karya orang lain, anda harus memberi sumber asal (penulis yang anda petik itu patut peroleh) dan rujukan yang anda dapati. Contohnya,

*Skinner (1968, p.21), quoted by Conant (1972, p.8), was...*

Telah ditegaskan bahawa Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis yang diserahkan mestilah penghasilan asal pelajar sendiri. (Garis Panduan ... di Akademi Pengajian Islam KUIIM, p.31).

(Contoh Borang Notis Penyerahan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis)

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**BORANG NOTIS PENYERAHAN LAPORAN PENYELIDIKAN / DISERTASI / TESIS**

**BAHAGIAN A** (Diisi oleh calon)

Kepada: Institut Pengajian Siswazah  
Kolej Universiti Islam Melaka  
KM 45 Kuala Sungai Baru  
78200 Melaka, Malaysia

Nama: \_\_\_\_\_

No matrik/ kad pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat (terkini): \_\_\_\_\_

Saya seperti nama diatas adalah calon Ijazah Sarjana/ Doktor Falsafah

\_\_\_\_\_ dengan ini  
menyatakan bahawa saya akan menyerahkan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis saya  
untuk diperiksa di dalam masa \_\_\_\_\_ bulan bermula dari \_\_\_\_\_

Tajuk akhir Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis saya ialah:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih.

\_\_\_\_\_

(Tandatangan Calon)

\_\_\_\_\_

(Tarikh)



**BAHAGIAN B** (Diisi oleh Penyelia Utama)

Bahawa saya \_\_\_\_\_ Penyelia Utama bagi Encik / Puan / Cik calon Ijazah \_\_\_\_\_ telah diberitahu tentang hasratnya untuk menyerahkan Laporan Penyelidikan / Disertasi/ Tesisnya untuk diperiksa dalam masa \_\_\_\_\_ bulan mulai dari \_\_\_\_\_.

Dalam hal ini, saya mengesahkan bahawa saya berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh ini dan tiada apa-apa halangan terhadap calon tersebut menyerahkan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesisnya untuk diperiksa dalam masa \_\_\_\_\_ bulan mulai dari \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia)

\_\_\_\_\_  
(Tarikh)

---

**BAHAGIAN C** (Diisi oleh Dekan Akademi / Fakulti / Institut / berkenaan)

Saya \_\_\_\_\_ Dekan Akademi / Fakulti / Institut / Pusat \_\_\_\_\_ ingin mengesahkan perakuan yang dibuat oleh Penyelia Utama calon ini seperti yang tercatat di Bahagian B di atas.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Dekan dan cop)

\_\_\_\_\_  
(Tarikh)

(Contoh Borang Penyerahan Awal)

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**BORANG PENYERAHAN AWAL**

**BAHAGIAN A** (Diisi oleh calon)

Kepada: Institut Pengajian Siswazah  
Kolej Universiti Islam Melaka  
KM 45 Kuala Sungai Baru  
78200 Melaka, Malaysia

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat(terkini): \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No.Tel Rumah: \_\_\_\_\_ No. Tel H/p: \_\_\_\_\_

Alamat E-mail (jika ada): \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Bersama-sama ini saya kemukakan dalam bentuk jilid berkulit nipis lima (5) naskah Laporan

Penyelidikan / Disertasi / Tesis bertajuk: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

untuk diperiksa sepertimana yang diperlukan.

2. Saya juga ingin mengesahkan bahawa Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis tersebut telah pun disediakan oleh Penyelia Utama saya dan komen beliau adalah seperti terdapat di Bahagian B borang ini.

Sekian, terima kasih.

\_\_\_\_\_

(Tandatangan calon)

**BAHAGIAN B** (Diisi oleh Penyelia Utama)

Nama Penyelia: \_\_\_\_\_  
Akademi / Fakulti / Institut : \_\_\_\_\_ Saya telah  
menyemak Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis Encik / Puan / Cik seorang calon Ijazah  
Sarjana / Doktor Falsafah yang bertajuk:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Saya ingin mengesahkan bahawa:

1. Saya berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh calon dilihat dari segi kualiti dan mutu bahasa, saya tiada halangan Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis tersebut diserahkan untuk diperiksa.
2. Saya bersetuju bahawa Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis tersebut boleh diserahkan untuk diperiksa.
3. Lain-lain komen saya terhadap penyerahan tesis tersebut adalah seperti berikut (jika ada): \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia)

\_\_\_\_\_  
(Tarikh)

**BAHAGIAN C** (Diisi oleh Dekan Akademi / Fakulti / Institut /)

Saya \_\_\_\_\_ Dekan Akademi / Fakulti  
/ Institut \_\_\_\_\_ ingin:

1. Mengesahkan perakuan yang dibuat oleh Penyelia calon.
2. Memperakukan jika bersetuju dengan perakuan penyelia.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Dekan dan cop)

\_\_\_\_\_  
(Tarikh)

(Contoh Borang Penyerahan Mutakhir)

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**BORANG PENYERAHAN MUKTAHIR**

**BAHAGIAN A** (Diisi oleh calon)

Kepada: Institut Pengajian Siswazah  
Kolej Universiti Islam Melaka  
KM 45 Kuala Sungai Baru  
78200 Melaka, Malaysia

Nama: \_\_\_\_\_

Alamat(terkini): \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

No.Tel Rumah: \_\_\_\_\_ No. Tel H/p: \_\_\_\_\_

Alamat E-mail (jika ada): \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Bersama-sama dengan ini saya kemukakan: Tiga (3) naskah berjilid tebal Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis Ijazah Sarjana / Doktor Falsafah bertajuk:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

2. Saya juga ingin mengesahkan bahawa Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis tersebut telah disemak oleh Penyelia Utama saya dan Dekan / Pengarah Akademi / Fakulti / Institut / Pusat dan komen mereka adalah seperti yang terdapat pada Bahagian B dan C borang ini.

Sekian, terima kasih.

\_\_\_\_\_

(Tandatangan calon)

**BAHAGIAN B** (Diisi oleh Penyelia Utama)

Nama: \_\_\_\_\_

Akademi / Fakulti / Institut /: \_\_\_\_\_

Saya telah menyemak semua pembetulan / pindahan yang dilaksanakan oleh Encik / Puan / Cik \_\_\_\_\_

Mengenai Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesisnya sebagaimana yang dipersetujui oleh Lembaga Pemeriksa Tesis.

2. Saya ingin mengesahkan bahawa saya berpuas hati dengan pembetulan yang dilaksanakan oleh calon.

Sekian, terima kasih.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia)

\_\_\_\_\_  
(Tarikh)

---

**BAHAGIAN C** (Diisi oleh Dekan Akademi / Fakulti / Institut)

Saya \_\_\_\_\_ Dekan / Pengarah Akademi / Fakulti/ Institut / Pusat \_\_\_\_\_

Ingin:

- (i) Mengesahkan perakuan yang dibuat oleh Penyelia calon;
- (ii) Mengesahkan bahawa saya berpuas hati dengan pembetulan / pindaan yang dilaksanakan oleh calon sebagaimana yang dipersetujui oleh Lembaga Pemeriksa Tesis.

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Dekan / Pengarah)

\_\_\_\_\_  
(Tarikh)

(i) (Contoh Kulit bagi Disertasi Ijazah Sarjana)

TAJUK KAJIAN

NAMA

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
2011

(ii) (Contoh Kulit bagi Tesis Ijazah Doktor Falsafah)

TAJUK KAJIAN

NAMA

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
2011

(iii) (Contoh Mukasurat Judul)

TAJUK KAJIAN

NAMA

Tesis diserahkan untuk  
Memenuhi sabahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana .....

Bulan / Tahun



(iv) (Contoh Mukasurat Judul Disertasi untuk Memenuhi Keperluan bagi Ijazah Sarjana)

TAJUK KAJIAN

NAMA

Tesis diserahkan untuk  
Memenuhi sabahagian keperluan bagi  
Ijazah Sarjana .....

Bulan / Tahun

**LAMPIRAN H**

- (v) (Contoh Mukasurat Judul bagi Tesis yang Diserahkan untuk Memenuhi Ijazah Doktor Falsafah)

TAJUK KAJIAN

NAMA

Tesis diserahkan untuk  
Memenuhi sabahagian keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah

Bulan / Tahun

**Sistem Harvard**

Mengikut Sistem Harvard, sesuatu rujukan dibuat dengan menyebut nama pengarang dan tahun penerbitan. Di dalam teks, tahun penerbitan diletakkan di dalam kurungan selepas nama pengarang sekiranya nama ini menjadi sebahagian ayat. Sebagai contoh:

Ch'ng (2006) atau Saleh & Zainuddin (2007)

Ataupun, jika ada lebih daripada dua orang pengarang,

Nagendren et al. (2008)

Jika beberapa penulisan dibuat oleh pengarang yang sama di dalam tahun yang sama, abjad a,b,c dan lain-lain hendaklah diletakkan selepas tahun penerbitan; sebagai contoh:

Karel & Labuza (2008b)

Sebaliknya pula, nama pengarang dan juga tahun penerbitan diletakkan di dalam kurungan jika nama pengarang bukan merupakan bahagian ayat. Sebagai contoh:

.....(Omar & Tan, 2009)

Jika beberapa penerbitan dirujuk di dalam sesuatu ayat, rujukan itu mestilah disebut mengikut susunan tahun. Walau bagaimanapun, jika beberapa penerbitan yang diterbitkan di dalam tahun yang sama dirujuk, rujukan itu mestilah disebut mengikut susunan abjad dengan rujukan yang dihasilkan oleh beberapa orang pengarang.

Pada akhir tesis, semua rujukan hendaklah disenaraikan mengikut susunan abjad. Senarai ini tidak perlu diberi nombor. Rujukan tentang makalah hendaklah ditulis seperti yang berikut: nama pengarang singkatan nama (bukannya nama pengarang pertama et al), tahun penerbitan diletakkan di dalam kandungan, tajuk penuh penulisan, nama makalah yang dipendekkan dengan huruf condong (atau digarisi pada sebelah bawah), nombor jilid ditulis dengan nombor Arab yang digarisi dua kali pada sebelah bawah (atau di dalam cetakan tebal), mukasurat permulaan dan mukasurat akhir penulisan itu. Sebagai contoh:

Das, T.M & Law, A.R.(2006). A simple device to illustrate angular momentum conversation and instability. *Am.J.Phys.*58 (1). 80-81

Dalam sistem Harvard, Judul buku ditulis di dalam huruf condong (ataupun digarisi pada sebelah bawah) diikuti pula dengan nama Bandar dan nama penerbit. Sebagai contoh:

Conn, E.E., Stumpf, P.K., Bruening, G., & Doi, R.H. (2007). *Outlines of Biochemistry*, 5<sup>th</sup> edn. New York: John Wiley & Sons.

Rujukan kepada buku yang disunting boleh ditulis seperti ini:

Hocking, A.D (1998). Mould and yeasts associated with foods of reduced water activity: Ecological interactions. In *Food Preservation by Moisture Control* (Seow, C,C, ed),p.57-72. London: Elsevier Applied Sci. Publ.

**Sistem Harvard**

Alien, G.R (1976). *The Graduate Students, Guide to Thesis and Dissertations: A Practical Manual for Writing and Research*. San Francisco: Jossey-Bass.  
[IPSP Library, LB2369 All]

British Standards Institution (1972). *Recommendations for the Presentation of Thesis*. London: British Standards Institution.  
[Main Library, LB2369 BSI]

Brown, P. & Stratton, G.G., ed. (1972). *World List of Scientific Periodicals Published in the Year 1900-1960*, Vol 1-3, 4<sup>th</sup> ed. London: Butterworth.  
[Medicine Library, Z7403 Wor]

Campbell, W.G. (1990). *Form and Style: Theses, Reports, Term Papers*. Boston, Mass: Houghton Mifflin.  
[Main Library, LB2369 Cam, rujukan / Buku Merah]

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1997). *Garis Panduan untuk Menulis Laporan Penyelidikan, Disertasi dan Tesis di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*.

Modern Language Association of America (1977). *MLA Handbook for Writers of Research Paper, Theses and Dissertations*. New York: Modern Language Association.  
[Law Library, LB2369 MLA, rujukan]

O'Connor, M. (1978). *Editing Scientific Books and Journals*. Tunbridge Well, Kent: Pitman Medical.  
[IPSP Library, T11.4 Oco, kaedah]

Reynolds, M.M. (1975): *Guide to Theses and Dissertations: An International bibliography of Bibliographies*. Phoenix, Ariz. Onyx Press.  
[Main Library, Z5053 Rey, rujukan]

Shafner, L.F. (1967). *Preparing Doctoral Dissertations in Psychology. A Guide for Students*, 5<sup>th</sup> ed. New York: Teachers College Press.  
[Main Library, LB2365 P85 Sha]

Swales. J. (1980). *Writing Scientific English: A Textbook of English as a Foreign Language for Students of Physics / and Engineering Sciences*. London : Nelson.  
[IPSP Library, T11 Swa, kaedah]

Turabian, K.L. (1987) *A Manual for Writers of Term Papers, Theses and Dissertations*. London : Heinemann.  
[Main Library, LB2369 Tur, Buku Merah]

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (1995). *Panduan Penyediaan Tesis Ijazah Tinggi*.

Watson. G. (1987) *Writing a Thesis: A Guide to Long Essays and Dissertations*. London: Longman.  
[Main Library, LB2369 Wat]

Zainal Abidin Bakar (1983). *Teknik Menulis Tesis*. Kuala Lumpur : Eastview Production.  
[Main Library, Zaaba, Law Library; LB2369 Zaiab]